

Sekitar majlis menandatangani MoA antara R & D SerindiT Com Sdn Bhd dan Jin Woo Han Sdn Bhd di Hotel EDC-UUM.

UUM ONLINE: Seramai 200 pelajar dari Korea akan menyertai program Kemahiran Dalam Bahasa Inggeris mulai Mac ini di Kampus Universiti Utara Malaysia (UUM).

Menurut Naib Canselor UUM Prof. Dato' Dr. Mohamed Mustafa Ishak, kerjasama dalam bidang pendidikan antara kedua buah negara ini terbahagi kepada tiga fasa setiap tahun dan setiap fasa pula membabitkan 200 pelajar dari negara itu.

Katanya, 600 pelajar yang akan mempelajari Bahasa Inggeris dan Kemahiran Komunikasi serta persediaan program untuk kemasukan ke universiti ini akan menjana pendapatan sebanyak RM20 juta bagi tempoh lima tahun dalam pengajian mereka disini.

Prof. Dato' Dr. Mohamed Mustafa menambah R&D SerindiT iaitu sebuah anak syarikat milik penuh universiti ini telah memainkan peranan mereka untuk berkembang dengan lebih jauh dan secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada warga UUM dan Malaysia untuk pertukaran program pendidikan dan pemindahan teknologi yang boleh diusahakan secara bersama antara kedua buah negara.

"Kita perlu mencontohi mereka kerana walaupun Korea merupakan salah sebuah negara maju namun mereka masih bersedia untuk menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang bahasa contohnya," kata beliau semasa berucap dimajlis menandatangani MoA antara R & D SerindiT Com Sdn Bhd dan Jin Woo Han Sdn Bhd di Hotel EDC-UUM.

Program yang akan dilaksanakan dalam MoA yang ditandatangani itu membabitkan Kemahiran dalam Bahasa Inggeris, Kemahiran Komunikasi, Sosialisasi dan Pengantarabangsaan.

Perjanjian itu telah ditandatangani oleh Prof. Dr. Abdul Razak Salleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah R&D SerindiT Com dan Pengarah Urusan R&D SerindiT Com Prof. Madya Abd Ghani Golamdin manakala bagi Jin Woo Han Sdn Bhd pula diwakili oleh Pengarah Urusannya Lee Byung Doo.

Sementara itu Pengarah Urusan R&D SerindiT Com UUM Prof. Madya Abd Ghani Golamdin dalam ucapan aluannya berkata, MoA ini adalah untuk membangunkan sumber manusia, pemindahan dan pertukaran pengetahuan melalui *smart partnership* dalam bidang latihan dan pendidikan.

"Kami berharap dengan usaha yang dijalankan ini akan memperkukuhkan sumber manusia dengan ilmu pengetahuan sebagai pelengkap kepada ekonomi pengetahuan (*knowledge economy*) dan selaras dengan misi dan visi Naib Canselor sepertimana yang telah disampaikan pada 1 Januari 2011," katanya.

Dalam pada itu Lee Byung Sup yang mewakili Jin Woo Han Sdn Bhd berkata, mereka tertarik dengan UUM kerana bukan sahaja menawarkan program bahasa inggeris namun mempunyai kemudahan serta persekitaran yang menarik seperti Golf, Go-kart, Equin, Sauna dan kolam renang.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my